

# **MIR'ĀT AL-MU'MINĪN WA TADHKIRAH LI AL-GHĀFILĪN: PENGENALAN MANUSKRIP NADIR KARYA SYEIKH ABDUL QADIR BIN ABDUL RAHIM TERENGGANU DAN KEPENTINGANNYA**

Oleh:  
Muhammad Mustaqim Mohd Zarif  
Abdulloh Salaeh  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
e-mel: mustaqim@usim.edu.my

## **PENGENALAN**

Proses islamisasi di rantau Alam Melayu yang berjalan sejak ratusan tahun yang lampau telah mentransformasikan segenap aspek kehidupan masyarakat Melayu dan memberikan pencirian identiti yang penting kepada budaya dan tamadunnya yang diwarisi pada hari ini. Antara prinsip asas yang mendasari Islam ialah penekanan kepada ilmu dan liberalisasi ilmu yang menyaksikan peningkatan penyebaran peranannya dalam masyarakat secara meluas dan tidak terhad kepada golongan pemerintah dan bangsawan sahaja (al-Attas, 2011).

Hasilnya, lahirlah golongan ilmuwan dan cendekiawan yang berteraskan kepada agama Islam atau alim ulama sebagai salah satu unit sosial yang penting dalam masyarakat Melayu. Kredibiliti keilmuan seseoranglah yang melayakkannya diiktiraf sebagai ulama berbanding faktor-faktor keturunan, ras, status keluarga dan sebagainya. Justeru, ulama dalam masyarakat Melayu merupakan suatu entiti yang hibrid dan fleksibel yang merangkumi tokoh-tokoh kelahiran tempatan dan yang berasal dari dunia luar sama ada dari rantau ini atau lainnya.

Peranan ulama juga tidak terhad dalam pembangunan keintelektualan dan pembudayaan ilmu semata-mata, bahkan turut berperanan besar sebagai ejen perubahan yang mencorakkan norma dan tatacara kehidupan bermasyarakat. Di kemuncak piramid sosial ini, hubungan simbiosis antara ulama dan pemerintah (umara) telah melahirkan sistem kesultanan Melayu yang walaupun berbentuk feudal, namun diterapkan unsur-unsur Islam yang berpaksikan tanggungjawab, keadilan dan pelaksanaan undang-undang berteraskan Islam seperti di Terengganu, Melaka, Aceh dan sebagainya (M.Mustaqim, 2016).

Dalam konteks negeri Terengganu secara khasnya, pengaruh Islam terhadap masyarakat dapat disaksikan menerusi catatan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 (al-Attas, 2012:1) atau 1308 Masihi (Ahmat, 2017: 38). Namun, tidak banyak yang diketahui mengenai pensejarahan Terengganu dan masyarakatnya sebelum abad ke-18 Masihi (Clifford, 1938: 67-68). Hanya pada era pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1708-1736) yang merupakan pendiri Kesultanan Terengganu moden sahajalah kemunculan ulama terawal dalam sejarah Terengganu dapat diketahui dengan pasti iaitu Syeikh Abdul Malik bin

Abdullah atau Tok Pulau Manis (1650-1736). Hubungan yang baik antara kedua-dua tokoh ulama dan umara tersebut menjadi batu asas kepada pemartabatan Islam dalam sistem pemerintahan Terengganu yang berterusan sehingga ke abad-abad berikutnya (Engku A.Zaki, Berhanundin, & Rohaizan, 2015: 59).

Sepanjang abad ke-19 Masihi, muncul sejumlah ulama yang mewarnai corak pemerintahan dan kehidupan masyarakat Terengganu. Walau bagaimanapun, bagi tempoh pertengahan pertama abad ini, hanya beberapa orang tokoh sahaja yang sohor dengan sumbangan yang signifikan dan berperanan sebagai pelopor kepada generasi ulama berikutnya. Antara yang paling berpengaruh ialah Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Terengganu atau lebih dikenali sebagai Tuan Bukit Bayas.

Selain menggalas tanggungjawab sebagai mufti, beliau juga merupakan penasihat kepada pemerintah Terengganu. Pada masa yang sama, beliau gigih menyebarluaskan ilmu kepada masyarakat sehingga berjaya melahirkan sejumlah ulama besar dan tokoh di negeri ini seperti Tok Syeikh Duyung, Tok Ku Tuan Besar, Baginda Omar dan sebagainya seperti yang akan dibincangkan. Dari aspek pengkaryaan pula, hanya sebuah sahaja karyanya yang diketahui pada hari ini iaitu *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā* berkaitan muamalat. Hal ini juga merupakan suatu perkara yang disepakati oleh para pengkaji dalam bidang ini (Wan Mohd Shaghir, 1997; Hasanulddin, 2014). Namun, berdasarkan penemuan terkini, terdapat sebuah lagi karyanya yang baru dijumpai iaitu *Mir'āt al-Mu'minīn wa Tadhkirah li al-Ghāfi'līn*. Karya yang tersimpan di salah sebuah pondok di Selatan Thailand ini merupakan satu-satunya naskhah manuskrip karya ini yang diketahui setakat ini.

Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan memperkenalkan manuskrip karya nadirnya ini kepada khalayak umum. Perbincangan merangkumi beberapa isu penting berkaitan karya ini dari aspek deskripsi kodikologi dan kandungannya yang berteraskan naskhah tunggal (*codex unicus*) tersebut di samping biografi ringkas pengarangnya. Pada masa yang sama, kekeliruan dan tanggapan yang salah berkaitan sejarah sosial negeri Terengganu dan ulama yang dibincangkan ini turut diluruskan dan diperjelaskan berdasarkan perspektif manuskrip dan sumber-sumber lain yang dirujuk. Kesemua ini bertujuan mengetengahkan kepentingan dan peranan karya ini dalam membentuk peradaban bangsa yang berimbang antara aspek duniawi dan ukhrawi dan memperkayakan korpus keilmuan warisan pusaka silam negeri Terengganu.

## BIOGRAFI RINGKAS SYEIKH ABDUL QADIR TERENGGANU

Sehingga kini, tiada kepastian yang jelas mengenai latar belakang kehidupan Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim. Selain kesepakatan pada nama bapanya, terdapat perselisihan pandangan mengenai susur galur keturunannya. Satu pandangan mengaitkannya dengan asal-usul keturunan Champa melalui nakhoda berbangsa Cina yang kemudiannya menetap di

Patani dan memeluk agama Islam (Hasanulddin, 2014: 31). Pandangan yang lain pula menyatakan susur galurnya daripada keturunan Faqih Ali Malbari; seorang anak raja dari Bugis yang kemudiannya menetap di Patani (Wan Mohd Shaghir, 1997: 423).

Oleh itu, Syeikh Abdul Qadir dipercayai berasal dari Patani dan dilahirkan di situ. Namun, tarikh kelahirannya tidak diketahui dengan jelas. Daripada sejumlah pandangan dan alasan yang diutarakan oleh pelbagai pihak (Hasanulddin, 2014; Ahmad Fathy, 2002; Wan Mohd Shaghir, 1997), makalah ini cenderung untuk memilih sekitar tahun 1770-1780 sebagai suatu tempoh yang munasabah. Alasannya, berdasarkan kelaziman, beliau dilahirkan terlebih dahulu daripada muridnya Tok Ku Tuan Besar yang lahir pada tahun 1795. Selain itu, beliau juga mungkin sempat berguru dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (m. 1847) di Mekah sekitar penghujung abad tersebut, dan menjelang awal abad ke-19 Masihi, beliau telah pun terkenal sebagai ulama yang dihormati di Terengganu.

Besar kemungkinannya beliau mendapat pendidikan awal ilmu agama di watannya di Patani dan kemudiannya melanjutkan pengajiannya di Mekah. Wan Mohd Shaghir (1997: 417) menyenaraikan sejumlah tokoh sezaman dengannya yang dikatakan sebagai gurunya iaitu Syeikh Muhammad Salih bin Abdul Rahman Pauh Bok al-Fatani, Syeikh Muhammad Zain al-Asyi, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Muhammad Salih ibn Ibrahim (Mufti mazhab Syafi'i di Mekah), Syeikh Ahmad al-Marzuqi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Ahmad Fathy (2002: 250) mempertikaikan kesahihan senarai yang dikemukakan tersebut dan menganggapnya tidak lebih daripada andaian semata-mata.

Walau apa pun, tempoh pengajian yang dilalui oleh Syeikh Abdul Qadir telah membolehkannya berguru dengan tokoh-tokoh ternama pada zamannya dalam pelbagai bidang keilmuan, terutamanya yang berkaitan dengan tiga serangkai bidang agama iaitu akidah, fikah dan tasawuf. Menurut Muhammad (1991: 148), antara karya rujukan dan teks pengajaran simpanannya yang pernah ditemui ialah salinan kitab *Majmū‘ mushtamil ‘alā iḥdā wa arba‘īn Risālah* oleh Syeikh Ibrahim ibn Hasan al-Kurani (m. 1690), *al-Manhal al-Ṣāfi fī Bayān Rumūz Ahl al-Ṣūfī* karangan Syeikh Daud al-Fatani dan petikan teks daripada *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* karya agung oleh Imam al-Ghazali (m. 1111).

Jika diperhatikan, kesemua karya rujukan tersebut berkisar dalam bidang tasawuf dan membincangkan pelbagai aspek agama menerusi perspektif tasawuf dan ditulis oleh tokoh-tokoh tasawuf Islam yang terkemuka dalam sejarah. Selain itu, beliau juga mengamalkan tarekat aliran Syattariyyah sebagaimana Syeikh Daud al-Fatani dan berpegang pada karya gurunya sebagai rujukan utama. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa ilmu tasawuf mendominasi segenap pemikiran dan sikap Syeikh Abdul Qadir dan ianya juga terzahir dengan jelas dalam karya-karya yang dihasilkannya seperti yang akan dibincangkan.

Kefahaman Islam yang moderat dan seimbang menjadi pegangan Syeikh Abdul Qadir seperti yang difahami daripada riwayat hidupnya. Jauh sekali untuk memenculkan diri, beliau

gigih membangunkan pusat pengajian, mengajar dan menyebarkan ilmu pengetahuan dan memberikan nasihat kepada sesiapa sahaja tanpa mengira pangkat dan darjat. Demikian juga, beliau sama sekali tidak menafikan fitrah manusiawinya, sebaliknya mengaplikasikan hukum Syarak yang amali mengikut kemampuannya.

Dalam konteks ini, dikatakan beliau mempunyai seramai empat orang isteri dan dikurniakan seramai 23 orang zuriat. Beliau juga seorang yang berharta dan banyak meninggalkan tanah yang diwakafkan dan dihadiahkan kepadanya oleh Sultan mahupun orang ramai (Hasanulddin, 2014: 103-104). Ternyata bahawa pemilikan harta yang banyak dan keluarga yang ramai tidaklah menjadikan seseorang itu jauh daripada Allah SWT asalkan ia mampu mengurusnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Syarak.

Tempoh sekembalinya dari Mekah juga tidak dapat dipastikan. Menurut Wan Mohd Shaghir (1997: 415), keadaan Patani yang dilanda konflik yang berpanjangan dengan Siam membawanya bersama-sama dengan rombongan orang Patani berhijrah ke Terengganu. Tidak pasti juga sama ada penghijrahannya tersebut berlaku sekali sahaja ataupun dua kali; kali yang pertamanya dikatakan di Pulau Duyung Kecil manakala kali keduanya di Bukit Bayas berdekatan Kuala Terengganu. Kebanyakan pengkaji (Engku A.Zaki et al., 2015: 62; Hasanulddin, 2014: 52-55; Wan Mohd Shaghir, 1997: 414-416; Muhammad, 1991: 148) pula menyatakan dekad 1830-an sebagai tarikh penghijrahannya terakhirnya dan permastautinan di Bukit Bayas. Hanya Ahmad Fathy (2002: 250) sahaja yang mengawalkannya kepada sekitar dekad 1820-an.

Jika dibandingkan antara sumber “catatan”, “riwayat” atau tradisi lisan yang memerihalkan perkara tersebut dan pernyataan dalam manuskrip karya-karya Syeikh Abdul Qadir sendiri, besar kemungkinannya tarikh yang dinyatakan tersebut mungkin tidak lebih sekadar andaian semata-mata. Sebaliknya, makalah ini ingin mencadangkan tarikh penghijrahan yang lebih awal. Walaupun tiada kepastian sama ada penghijrahannya berlaku sekali ataupun lebih, namun dicadangkan penghijrahan kekalnya ke Bukit Bayas berlaku sekitar tahun 1815-1820. Ini kerana, karyanya berjudul *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā* ditulis pada 8 Rabiulawal 1234 Hijrah bersamaan 5 Januari 1819 dan pengarangnya sudah pun menggunakan gelaran Terengganu sebagai pengenalan identitinya. Karya ini kemudiannya disalin oleh muridnya Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf dua tahun kemudian pada 19 Zulhijah 1236 Hijrah bersamaan 17 September 1821 dalam negeri Terengganu (Wan Mohd Shaghir, 1997: 65).

Daripada kenyataan ini, dapat disimpulkan bahawa pada sebelum tahun 1820 lagi, Syeikh Abdul Qadir telah pun berada di Terengganu (walaupun tidak dinyatakan tempatnya secara spesifik) dan menjalankan aktiviti pengkaryaan dan besar kemungkinannya juga pengajaran. Sekiranya maklumat ini diteliti bersama dengan pernyataan dalam kolofon manuskrip *Mir’āt al-Mu’mīnīn* (fol.59a), termaktub bahawa ia diselesaikan pada 8 Safar 1236

Hijrah bersamaan 15 November 1820 dalam negeri Terengganu (*Terqānū maskanan*). Selanjutnya ia disalin oleh muridnya Haji Mahmud pada 8 Rabiulakhir 1237 Hijrah bersamaan 2 Januari 1822 bertempat di “masjid syeikh kami yang tersebut di atas” (*pada masjid Syeikhunā al-madhkūr*) iaitu Syeikh Abdul Qadir.

Seperti yang diketahui, Syeikh Abdul Qadir telah membina sebuah masjid yang kemudiannya menjadi pusat pengajaran utamanya di Kampung Bukit Bayas. Menurut Nooryani (2006: 85), masjid tersebut telah dibina pada tahun 1236 Hijrah bersamaan 1820 dan pada dindingnya menampilkan ukiran khat gaya *thuluth* yang indah. Justeru, terdapat keselaruan fakta antara tarikh pembinaan masjid dan kenyataan Haji Mahmud tersebut.

Dari aspek yang lain, konflik bersenjata antara Siam dan Patani telah tercetus sekurang-kurangnya 12 kali sejak abad ke-16 Masihi lagi dengan empat kali daripadanya sahaja pada tahun 1808, 1832, 1838 dan 1848. Implikasi daripada perperangan dan penentangan tersebut menyebabkan ramai dari kalangan bangsawan dan ulama yang melarikan diri ke Terengganu dan negeri-negeri lain (Numan, 2009). Justeru, Syeikh Abdul Qadir mungkin telah berhijrah lebih awal lagi daripada tahun 1832 seperti yang diandaikan, iaitu sekitar tahun 1815-1820, dan menetap di Bukit Bayas, Terengganu. Di kampung inilah kemudiannya beliau mengusahakan pembinaan masjid dan penubuhan pusat pengajiannya yang kelak menjadi tumpuan para pencinta ilmu.

Ketokohan dan karisma beliau dalam bidang keilmuan telah menarik minat sejumlah pelajar untuk menuntut ilmu dengannya. Kebanyakan daripada pelajarnya kelak menjadi tokoh-tokoh ulama dan pentadbir yang sohor dan memainkan peranan penting dalam mewarnai corak pentadbiran negeri Terengganu pada dekad-dekad berikutnya. Antara murid utamanya termasuklah Haji Wan Abdullah bin Wan Muhammad Amin (Tok Syeikh Duyung), Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-‘Aydarus (Tok Ku Tuan Besar), Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf Terengganu dan ramai lagi (Hasanulddin, 2014: 58-66).

Reputasinya sebagai ulama yang berwibawa turut menarik perhatian sultan yang memerintah sebagai salah seorang penasihat baginda seperti yang akan dibincangkan. Secara khasnya, Baginda Omar (Sultan Terengganu yang kesembilan) turut berguru dengannya dan kemudiannya melantiknya sebagai Mufti sewaktu pemerintahan baginda daripada tahun 1839 lagi. Jawatan ini disandangnya sehingga kematianya dan kemudiannya disandang oleh muridnya Tok Syeikh Duyung (Engku A.Zaki et al., 2015: 134).

Setelah menghabiskan usianya berbakti dan menyebarkan ilmu, Syeikh Abdul Qadir meninggal dunia pada pertengahan abad ke-19 di Terengganu. Terdapat perselisihan pandangan mengenai tarikh sebenar kematianya antara tahun 1853 atau 1864. Tarikh yang terkemudian adalah pandangan yang lebih masyhur. Demikian juga, jenazahnya disemadikan di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu bersebelahan dengan makam muridnya Tok Syeikh Duyung (Hasanulddin, 2014: 42-43).

Syeikh Abdul Qadir juga sempat meninggalkan karya penulisan yang mencerminkan pemikiran dan pandangannya terhadap beberapa aspek agama. Selama ini, hanya sebuah sahaja karyanya yang diketahui iaitu *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay‘ wa al-Ribā* dalam bidang muamalat. Dalam makalah ini pula, diperkenalkan sebuah lagi karyanya yang baru sahaja ditemui berjudul *Mir’āt al-Mu’mīnīn*. Walaupun kesemua karyanya dianggap nadir, tidak pernah dicetak atau diterbitkan dan hanya wujud dalam bentuk manuskrip, ilmu yang terkandung dalamnya berterusan mengalir dan mempengaruhi buah fikiran dan sikap murid-muridnya yang kelak menjadi model ulama dan umara yang berwibawa di Terengganu khasnya, dan Semenanjung Tanah Melayu amnya.

### ***MIR’ĀT AL-MU’MINĪN: DESKRIPSI KODIKOLOGI DAN KANDUNGAN***

Pada 5 Oktober 2016, tinjauan lapangan pakar bidang manuskrip Melayu dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sebuah madrasah dalam wilayah Narathiwat, Thailand telah berjaya mengenal pasti beberapa buah karya Melayu dalam genre sastera kitab yang nadir, antaranya karya berjudul *Mir’āt al-Mu’mīnīn*. Walau bagaimanapun, ketika tempoh lawatan, naskhah asal karya ini sedang dalam proses pemuliharaan dan hanya salinan daripadanya sahaja yang dapat disemak. Kerjasama yang baik dan kebenaran daripada pemegang amanah koleksi manuskrip tersebut seterusnya membolehkan sesalinan naskhah tersebut diberikan kepada pihak Fakulti untuk pengkajian dan pentahkikan.

Penelitian lanjut daripada pelbagai aspek kodikologi dan sejarah naskhah telah mengesahkan statusnya sebagai hasil karya Syeikh Abdul Qadir yang “hilang” seperti yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut. Pada masa yang sama, beberapa aspek deskripsi fizikal manuskrip ini dari aspek saiz, kuras, penjilidan, jenis kertas dan sebagainya tidak dapat dilakukan atas faktor yang telah dinyatakan tersebut. Yang pasti, ia tertulis di atas kertas, berkemungkinan asal Eropah, namun tidak dapat disemak kewujudan tera air padanya.

Seperti manuskrip-manuskrip sezaman dengannya yang lain, manuskrip ini terdiri daripada kuras-kuras yang disusun membentuk sebuah buku manuskrip (*codex*) mengikut format “buku Arab” (M.Mustaqim, 2014; Jones, 1999). Hal ini merupakan suatu kelaziman, terutamanya pada karya-karya berbentuk ilmiah seperti *Mir’āt al-Mu’mīnīn*. Seperkara lagi, sehingga kini, manuskrip ini masih belum diberikan nombor panggilan yang khusus dan penyimpanannya adalah mengikut kaedah dan sistem yang digunakan di madrasah tersebut.

Dari segi saiz, manuskrip ini mempunyai 59 folio; dengan lembaran judul pada fol.1a. Lembaran terakhir (fol.59a) mengandungi penutup manuskrip dan kolofon. Dari segi susun atur halaman, teks dilingkungi blok bergaris segi empat dengan anggaran saiz 15.5 cm x 10 cm. Jidar (margin) sekeliling teks lazimnya dibiarkan kosong. Namun pada beberapa folio (11b, 12b, 13a, 14b, 30a, 30b, 32a dan 36a), jidar dipenuhi ulasan dan glos kepada teks asal.

Setiap lembaran juga secara amnya mempunyai 23 baris tulisan melainkan pada folio 8a iaitu 24 baris. Keseragaman garisan teks juga menunjukkan penggunaan kaedah dan alat penggaris tertentu, kemungkinannya *mastar* yang lazim digunakan oleh masyarakat Melayu silam.

Susunan tertib lembaran adalah berdasarkan sistem kata penarik yang terdapat di bahagian kiri sebelah bawah folio verso yang diberikan secara konsisten. Dakwat teks adalah berwarna hitam secara umumnya dan rubrikasi digunakan untuk perkataan-perkataan tertentu dalam bahasa Arab dan Melayu untuk tujuan penegasan dan pemisahan antara kandungan. Ketiadaan iluminasi dalam manuskrip menunjukkan status penggunaannya yang lebih bersifat fungsional dan didaktik kepada masyarakat umum berbanding simbolik. Hanya pada halaman judul sahaja (fol.1a) menampilkan reka bentuk segi tiga terbalik dengan motif sulur ringkas dan diulang semula pada fol.59a untuk ruangan kolofon.

Dari aspek judul, termaktub pada fol.1a pernyataan berikut:

*“Hādhihi al-risālah al-musammā bi Mir’āt al-Mu’mīnīn wa Tadhkīrah li al-Ghāfiṭīn ta’līf Shaykhunā al-Fāḍil al-Shaykh ‘Abd al-Qādir ibn al-Marḥūm ‘Abd al-Raḥīm al-Terqānū ghafara Allāh lahu...”*

Di sini jelas dinyatakan judul karya ini dalam bahasa Arab iaitu *Mir’āt al-Mu’mīnīn wa Tadhkīrah li al-Ghāfiṭīn*. Dalam bahasa Melayu, ia bermaksud “Cerminan bagi orang-orang Mukmin dan peringatan bagi orang-orang yang lalai”. Secara spesifik, penggunaan judul ini tidak diulang semula dalam teks sama ada di mukadimah ataupun bahagian lain. Dalam penutup pula (fol.59a) sekadar dinyatakan “*tammat al-risalah*” (selesailah risalah ini) tanpa dinamakan.

Seperti yang dapat diperhatikan, judul ini ditegaskan oleh penyalin karya ini iaitu Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf yang merupakan salah seorang murid utama Syeikh Abdul Qadir. Oleh sebab beliau menyalinnya ketika hayat gurunya dan berkemungkinan besar daripada naskhah autograf sendiri, maka tiada sebab untuk meragui judul yang dinyatakannya tersebut.

Seperkara lagi, pengarangan karya ini juga jelas disandarkan kepada gurunya Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Terengganu. Istilah *ta’līf* yang digunakan secara harfiahnya bermaksud “karangan” yang membawa maksud sandaran sesebuah hasil karya kepada pengarang asalnya tanpa sebarang keraguan. Ini kerana, berbeza dengan karya-karya sastera *belle-lettres*, autoriti sesebuah sastera kitab banyak bergantung pada kredibiliti pengarangnya. Bahkan, penekanan kepada aspek pengarang jugalah yang menjadi antara ciri penting pengkaryaan sastera kitab Melayu sejak dahulu lagi (M.Mustaqim, 2015).

Setakat yang diketahui juga, manuskrip ini juga merupakan satu-satunya naskhah karya ini yang dijumpai setakat ini. Sorotan yang dilakukan menerusi katalog manuskrip Melayu pelbagai repositori utama di rantau ini dan di peringkat antarabangsa tidak membawa sebarang naskhah lain yang boleh dijadikan perbandingan. Dalam konteks

inilah manuskrip ini wajar dianggap sebagai naskhah tunggal (*codex unicus*) dan berkedudukan penting dalam melengkapkan lagi korpus keilmuan peninggalan Syeikh Abdul Qadir yang tidak pernah diketahui selama ini.

Keseluruhan manuskrip ini disalin oleh Haji Mahmud yang juga merupakan salah seorang penyalin kitab terkemuka abad ke-19 Masihi (Wan Mohd Shaghir, 1993). Ia diselesaikan penulisannya dalam tempoh satu tahun empat bulan daripada masa ia dihasilkan oleh pengarangnya sendiri di Terengganu seperti yang telah dinyatakan. Naskhah ini disalin olehnya untuk keperluannya sendiri sebagai teks pembelajaran dan rujukan. Perkara ini juga dapat diperhatikan menerusi pernyataan pemilikan yang jelas pada halaman judul sebagai milik Mahmud bin Muhammad Yusuf.

Selain itu, berdasarkan perbandingan antara karya ini dan karya-karya lain yang disalin oleh Haji Mahmud, terzahir persamaan yang jelas dari aspek gaya tulisan yang digunakannya. Walaupun khat *naskh* dijadikan asas tulisannya, namun unsur-unsur khat lain terutamanya *ta'līq (fārisī)* turut diterapkan terutamanya pada penulisan huruf sin memanjang di awal dan pertengahan perkataan yang bertujuan mempercepatkan proses menulis. Keadaan ini juga selari dengan pengamatan Wan Ali (1996: 107) mengenai gabungan gaya primer dan sekunder dalam tulisan Jawi yang lazimnya digunakan dalam penyalinan manuskrip Melayu. Selain itu, beberapa perkataan yang sukar dalam bahasa Melayu serta teks bahasa Arab turut diberikan penandaan harkat yang bersesuaian. Kesalahan ortografi sesetengah perkataan Arab turut dijumpai, namun secara umumnya tulisan beliau adalah cantik, konsisten, kemas dan mengikuti kaedah penulisan khat yang ditetapkan.

Bil.	Topik/Kandungan	Folio
1.	Mukadimah (ringkas)	1a
2.	Peringatan mengenai mati dan persediaan menghadapinya	1a-32a
3.	(Fasal): Kejadian matahari dan bulan dan perjalanan kedua-duanya dan permulaannya	32b-36a
4.	( <i>Tanbih</i> ): Hukum mengeluarkan zakat emas dan perak, nisabnya, seksaan kepada sesiapa yang ingkar dan pakaian yang diharamkan kepada lelaki dan perempuan	36b-43a
5.	(Faedah): Galakan sedekah sunat dan berjamu-jamuan	43b-52a
6.	( <i>Tanbih</i> ): Galakan bersedekah secara berterusan	52b-56b
7.	( <i>Khātimah</i> ): Adab makan dan minum	57a-59a

Jadual 1.0: Struktur Kandungan *Mir'āt al-Mu'minīn*

Dari aspek kandungan pula, *Mir'āt al-Mu'minīn* berkisar dalam tema fadilat amalan dan nasihat keagamaan. Jadual 1.0 jelas menunjukkan bahawa tema utama yang dibincangkan oleh karya ini ialah mengenai mati dan persediaan menghadapinya. Turut dibincangkan mengenai taubat dan peranannya dalam menentukan baik buruk nasib seseorang di dunia akhirat kelak serta keadaan seseorang sewaktu dicabut nyawanya. Selain itu, beberapa subtajuk turut dimuatkan mengenai kosmologi (kejadian bulan dan matahari), hukum mengeluarkan zakat, fadilat bersedekah dan adab ketika makan dan minum. Mungkin tajuk-tajuk ini secara zahirnya nampak tidak berkaitan dengan perbincangan awalnya mengenai

mati. Namun penelitian lanjut menzahirkan kesatuan dalam tema perbincangan secara keseluruhannya dan bukanlah ditambah secara semberono.

Apa yang ingin disampaikan oleh Syeikh Abdul Qadir ialah betapa setiap seseorang yang hidup perlu bersedia untuk menghadapi kematian yang merupakan permulaan bagi kehidupannya yang kekal abadi berbanding kehidupan dunia ini. Seperti juga manusia akan menghadapi kematian, demikian jugalah alam ini akan menghadapi saat permulaan dan pengakhiran, justeru dimuatkan perbincangan mengenai kejadian bumi dan matahari dari awal hingga akhirnya.

Selain daripada ibadat fizikal seperti solat, ibadat yang memerlukan pengorbanan harta amat ditekankan sebagai salah satu wasilah mendapatkan kejayaan di akhirat dan pelepasan dari azab. Oleh sebab ramai yang mungkin masih tidak memahami mengenai kewajipan dalam aspek harta atau mengabaikannya, maka dibincangkannya mengenai hukum zakat dan pakaian yang perlu dipatuhi. Bagi mereka yang mampu dan ingin mencapai kemuliaan di sisi Tuhan pula, bersedekah dan memberi makan kepada fakir miskin amatlah digalakkan sebagai salah satu amalan sunat yang besar ganjarannya dan dapat menyelamatkan mereka daripada azab seksa. Sebagai pelengkap, turut dibincangkan adab menjamu dan menjadi tetamu sebagai panduan. Ringkasnya, kesemua tajuk yang dibincangkan tersebut saling berkaitan dan perlu dijadikan panduan kepada sesiapa yang ingin bersedia menghadapi kematian yang datangnya secara tiba-tiba tanpa sebarang amaran dan membawa manusia ke alam lain yang mana nasibnya bergantung pada amalan kebajikannya.

Dalam menghasilkan karya ini, ayat-ayat al-Quran, hadis Nabi, riwayat dan pandangan ulama turut dipetik sebagai dalil selain rujukan kepada beberapa buah karya oleh Imam al-Ghazzali, al-Nawawi (m. 1277), Syeikh Abdullah ibn ‘Alawi al-Haddad (m. 1720) dan sebagainya. Karya ini juga menunjukkan ciri-ciri sebuah karya asli Syeikh Abdul Qadir dan bukannya terjemahan, ulasan atau ringkasan kepada mana-mana karya lain. Demikian juga, perbandingan antara karya ini dan *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā* turut menzahirkan persamaan yang jelas antara kedua-duanya dari aspek struktur dan metode pengkaryaan seperti penggabungan fiqh dengan tasawuf/akhlak, pembahagian karya kepada subtajuk tertentu seperti *tanbīh* dan sebagainya serta mengakhiri penulisan dengan sebuah *khātimah* (penutup). Dari aspek tema perbincangan juga, seolah-olahnya karya ini melengkapkan lagi perbincangan dalam bidang muamalat yang tidak tercakup dalam bukunya yang terdahulu.

Ringkasnya, kesemua perbincangan yang telah dilakukan dari pelbagai sudut kodikologi dan sejarah naskhah membuktikan dan mengukuhkan pandangan yang diutarakan dalam makalah ini yang menyandarkan *Miṛāt al-Mu’mīnīn* ini sebagai sebuah karya yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Qadir tanpa sebarang keraguan.

## **PERANAN *MIR'ĀT AL-MU'MINĪN* DALAM MASYARAKAT TERENGGANU**

Sesuai dengan status dan kedudukannya sebagai ulama, Syeikh Abdul Qadir berperanan sebagai antara ejen perubahan sosial yang penting yang memberikan impak dan pengaruhnya terhadap sikap dan budaya masyarakat Islam di Terengganu pada zamannya. Beliau bukan sahaja bergiat aktif sebagai pendidik dan pendakwah kepada masyarakat, bahkan turut dilantik sebagai penasihat kepada pemerintah dan Mufti yang bertanggungjawab dalam pelbagai aspek hukum Syarak.

Dalam konteks pendidikan, penubuhan pusat pengajian di Bukit Bayas menyemarakkan lagi kegiatan keilmuan dan pembudayaannya dalam masyarakat. Reputasi Syeikh Abdul Qadir dan muridnya telah menarik minat pelajar-pelajar bukan sahaja dari Kuala Terengganu, bahkan dari daerah-daerah yang berhampiran untuk mengunjunginya. Masjid yang didirikannya di Kampung Bukit Bayas menjadi pusat pembelajaran dan penyalinan kitab di samping menjadi tempat persediaan kepada pelajar sebelum mendalami pengetahuan mereka di Mekah kelak. Walaupun tidak jelas mengenai kewujudan tradisi pondok di Terengganu jika dibandingkan dengan Patani atau Kelantan, namun pusat pengajian yang diasaskannya menjadi sangat penting dan berpengaruh sehingga ia dianggap sebagai pelopor pengajian Islam secara pondok di Terengganu pada abad tersebut (Muhammad, 1991: 148).

Syeikh Abdul Qadir bukan sahaja menekankan aspek pendalilan daripada sumber agama, bahkan amat menekankan penggunaan akal dan berfikir sebagai wasilah mendapatkan ilmu yang benar. Beliau menegaskan,

“Ketahui oleh mu hai saudara ku, bahawa sesungguhnya fikir itu menghilangkan lalai dan menambah takut. Dan takut itu menghilangkan kejahatan dan menambah kebajikan. Dan bahawa sesungguhnya fikir itu wajib atas segala yang beriman kerana bahawa sesungguhnya tiada hampir kebajikan itu melainkan dengan fikir... dan seyogianya bahawa sesungguhnya jangan engkau suka pada tiap-tiap waktu mu itu melainkan dengan bertambah ilmu mu dan amal mu, dan jangan engkau suka pada tiap-tiap waktu dengan bertambah dunia mu dan kekayaan mu serta kurang ilmu mu dan amal mu” (fol.29a).

Semangat cintakan ilmu yang diterapkan pada muridnya terzahir dengan jelas pada Tok Syeikh Duyung dan Haji Mahmud yang gigih dan aktif menyalin dan mengumpulkan karya-karya ulama sebagai rujukan dan teks pengajaran. Bahkan, dicadangkan di sini bahawa Tok Syeikh Duyung turut menghasilkan karya berjudul *Tanbīh al-Ghāfiṭīn* dengan menjadikan *Mir'āt al-Mu'minīn* sebagai modelnya.

Berdasarkan pengamatan terhadap judul dan kandungan karya ini seperti yang dibincangkan oleh Engku A.Zaki et al. (2015: 123-125), terdapat beberapa persamaan antara kedua-dua karya tersebut. Pertamanya, judul karya ini (*Tanbīh al-Ghāfiṭīn*) adalah sama dari aspek makna dengan rangkap kedua judul karya gurunya (*Tadhkirah li al-Ghāfiṭīn*). Kedua-dua frasa ini bermaksud “peringatan bagi orang-orang yang lalai”. Keduanya, dari aspek tema, kedua-dua karya tersebut berkisar dalam tema fadilat amalan dan nasihat keagamaan. Bezanya karya Tok Syeikh Duyung terfokus pada isu solat sedangkan karya gurunya

mengenai kematian. Ketiganya, perbincangan dalam *Tanbih al-Ghāfiḥīn* turut mengaitkan isu solat dengan aspek akidah dan akhlak dan bukan semata-mata perbincangan hukum seperti yang dilakukan oleh gurunya ketika membincangkan isu zakat. Oleh yang demikian, terzahir dengan jelas pengaruh Syeikh Abdul Qadir terhadap Tok Syeikh Duyung dalam aspek pengkaryaan.

Selain itu, Syeikh Abdul Qadir menghasilkan *Miṣāt al-Mu'minīn* khusus untuk keperluan masyarakat Islam di Terengganu ketika itu. Hal ini bertepatan dengan peranannya sebagai penasihat dan Mufti yang bertanggungjawab terhadap pelbagai urusan hal-ehwal agama Islam. Walaupun perkara ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam mukadimah karyanya, namun terdapat beberapa petunjuk mengenai senario tempatan yang disentuhnya. Di samping menasihati secara lisan, beliau menggunakan penulisan sebagai metode secara tidak langsung untuk menegur dan mengkritik beberapa tradisi atau amalan yang bercanggah dengan agama.

Hal ini tergambar dengan jelas pada isu-isu yang mungkin melibatkan sensitiviti pihak tertentu seperti bangsawan, pemerintah dan sebagainya yang perlu ditangani dengan penuh hikmah dan kesantunan tanpa menjatuhkan maruah dan kedudukan seseorang. Sebagai contoh, ditegaskan bahawa:

“wajiblah atas tiap-tiap laki-laki dan perempuan yang ada menaruh emas dan perak mengetahui dan berlajar akan hukum yang demikian itu kepada orang yang mengetahui dia supaya bersegeralah melepaskan tanggungan dirinya di dalam dunia yang dibinasakan ini, bahawa sesungguhnya beroleh kemenanganlah ia pada hari akhirat yang kekal itu” (fol.36b).

Tambahnya lagi,

“Adapun segala pakaian yang diharamkan memakai dia seperti pending emas dan perak kerana perhiasan bagi laki-laki dan pendok dan pendongkok dan barang sebagainya daripada pakaian dan perhiasan laki-laki dengan emas. Maka ia itu wajiblah atasnya mengeluarkan zakatnya apabila sampai nisab dan lalu setahunnya bersalahan kerancang yang dihalalkan bagi perempuan dan kanak-kanak memakai dia sekira-kira jangan sampai timbangannya sepasangnya itu dua ratus dinar. Maka apabila sampai dua ratus dinar nescaya haram pula atas perempuan dan kanak-kanak yang tersebut itu memakai dia lagi wajiblah zakatnya... Maka dikiaskanlah segala pakaian yang diharuskan atas keduanya memakai dia, hendaklah diperbuat jangan berlebih-lebihan pada adat negeri. Maka apabila diperbuat juga dengan berlebih-lebihan pada adat yang tersebut itu, nescaya haramlah atas keduanya memakai dia lagi wajiblah dikeluarkan zakatnya tiap-tiap tahun” (fol.38a).

Namun, sekiranya menggunakan peralatan dan perkakasan rumah yang diperbuat daripada emas dan perak, hukumnya:

“adalah yang diharuskan atas perempuan dan kanak-kanak itu memakai segala pakaian bersalahan dengan bejana daripada emas dan perak jikalau kecil sekalipun seperti pencolet telinga dan cungkil gigi, jikalau perempuan dan kanak-kanak sekalipun haramlah memakai dia, istimewa pula segala orang yang makan dan minum di dalam bejana emas dan perak maka sangatlah seksanya pada hari akhirat seperti sabda Nabi SAW...” (fol.38b).

Pada abad ke-19 Masihi, kebanyakan masyarakat Melayu di Terengganu terdiri daripada golongan nelayan, petani dan pekerja mahir yang rata-rata digambarkan sebagai golongan miskin (Muhammad Yusoff, 1991: 87). Hanya golongan bangsawan dan pemerintah yang terlibat dalam urusan perdagangan dengan pedagang luar yang mempunyai kekayaan dan simpanan emas dan perak dalam kuantiti yang besar sehingga boleh dijadikan perhiasan pakaian lelaki, isteri dan anak-anak selain alat perkakasan rumah tangga.

Justeru, dapat difahami daripada pernyataan Syeikh Abdul Qadir mengenai hukum pemakaian emas dan zakatnya bahawa tegurannya lebih menjurus kepada golongan masyarakat tersebut yang mungkin melakukan perkara sedemikian berdasarkan pengamatannya. Menariknya, beliau turut menekankan aspek kesederhanaan dalam berhias dan ianya dibolehkan selagi tidak berlebihan dan tidak menyalahi adat dan budaya masyarakat walaupun kepada kaum wanita dan kanak-kanak.

Malah, ketika membincangkan tentang syarat perniagaan yang mewajibkan zakat, beliau turut memfokuskan perbincangan kepada golongan pemerintah dan peniaga yang terlibat dalam dagangan komoditi “seperti lada dan tembakau dan kain dan barang sebagainya” (fol.37b) yang merupakan antara barang dagangan yang terdapat di Terengganu ketika itu (Sheppard, 1949: 28). Turut ditegur kesilapan dalam amalan masyarakat mengenai zakat dengan katanya:

“Maka adalah kebanyakkan manusia yang di bawah angin menyangka ia apabila tiada *mawjud* dagangan yang dibelinya itu setahun, nescaya tiadalah wajib zakatnya perniagaan itu. Adalah yang demikian itu, sangka itu tersalah yang amat besar yang tiada harus mengiktikadkan dia” (fol.38a).

Kadar nisab zakat dan bayaran zakat yang perlu dikeluarkan juga disetarakannya dengan amalan yang bersesuaian dalam masyarakat Terengganu. Dalam kitab fikah, kadar nisab dan bayaran dinyatakan dalam sistem timbangan dan mata wang dinar dan dirham yang digunakan oleh orang Arab. Namun, dalam konteks masyarakat Melayu di Terengganu, kadar tersebut disesuaikan mengikut mata wang yang lazimnya digunakan di rantau Alam Melayu ketika itu seperti rial batu dan rial Perancis untuk memudahkan pelaksanaan zakat bagi sesiapa yang menepati syarat wajibnya (Shaharir, 2013: 406). Menurutnya, “satu dinar itu harganya dua rial lebih sedikit” (fol. 38a).

Ringkasnya, beliau menegaskan peri pentingnya bagi

“segala orang yang mukmin sekaliannya sama ada laki-laki dan perempuan, tua dan muda, dan sama ada raja-raja dan lainnya itu mentasdikkan dan menyakinkan dan menyungguhkan serta dikerjakan seperti hadis dan dalil yang tersebut ini dengan tulus dan ikhlas hatinya menjunjung suruh Tuhan, maka baharulah beroleh sempurna tauhid pada batinnya seperti sempurna tauhid pada zahirnya dengan mengucap dua kalimah syahadah kerana zakat itu satu rukun daripada rukun agama Islam. Maka apabila tiada dikerjakan dia, nescaya tiada menerima Allah Taala segala amalnya sama ada banyak atau sedikit” (fol.39b).

Selain itu, Syeikh Abdul Qadir turut menggalakkan pengamalan bacaan al-Quran di atas kubur atau di mana-mana tempat yang dihadiahkan pahalanya kepada si mati selain

bersedekah, beramal jariah, berwakaf dan berjamu-jamuan (fols.44a-52b). Kesemua ini bertujuan mempersiapkan diri menghadapi mati selain memperteguh silaturahim dan menyemai sikap bantu-membantu sesama masyarakat Islam yang memerlukan. Penting diperhatikan bahawa kesemua amalan ini tersebar dengan meluas dalam masyarakat dan menjadi sebahagian daripada adat dan budaya Melayu. Sesuai dengan statusnya, masjid juga diberikan keutamaan dan perhatian oleh pemerintah dan masyarakat. Keelokan binaan batunya serta kebersihannya menjadi mercu tanda bandar Kuala Terengganu seawal abad ke-19 lagi di sebalik “keusangan dan kekotoran” yang lazimnya digambarkan mengenai suasana bandar ini (Medhurst, 1830: 174; Munshi Abdullah, 1960: 47-52) .

Pembudayaan ilmu yang disemai dalam masyarakat tumbuh dengan subur sehingga menarik perhatian pelawat dari luar. Sewaktu persinggahannya di Terengganu pada tahun 1838, Munshi Abdullah (1960: 47-52) misalnya, mengulas tentang kewujudan madrasah di setiap kampung dan kelas pengajaran al-Quran di rumah-rumah. Beliau juga memuji kecantikan tulisan Jawi dan Arab penduduknya di samping kemahiran mereka dalam membaca al-Quran. Beberapa dekad kemudian, Clifford (1938: 115-117) menjelaskan bahawa tahap celik huruf dan pendidikan agama masyarakat Terengganu adalah pada tahap yang tinggi dengan kebanyakan remaja telah berjaya mengkhatamkan al-Quran pada usia muda. Bahkan, golongan masyarakat kelas menengah juga menunjukkan minat yang mendalam terhadap ilmu-ilmu bukan agama seperti geografi, astronomi, matematik dan sebagainya. Asasnya bertitik-tolak daripada pendidikan agama yang berakar umbi dalam masyarakat Terengganu sehingga masyarakat Islam Terengganu dikatakan sebagai yang paling warak dan beragama di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu.

Ketika persinggahannya Terengganu pada tahun 1828, Medhurst (1830: 154-188) merakamkan minat pemerintah dan orang Melayu yang begitu tinggi terhadap agama. Sultan Abdul Rahman Shah (p. 1826-1831) telah mengadakan sekurang-kurangnya lima sesi pertemuan dengan paderi tersebut untuk berdiskusi dan berdebat. Antara isu yang dibangkitkan termasuk status Nabi Isa a.s. sama ada anak Tuhan ataupun manusia biasa, ketidakwajaran sembahana patung, transmigrasi roh, perbezaan antara Injil dan al-Quran, syariat agama Kristian dan sebagainya.

Tidak cukup dengan hanya mendengar hujah, Sultan turut mengeluarkan Injil dalam bahasa Melayu dari dalam simpanannya sebagai subjek perbincangan. Selain mempamerkan kedalaman pemahaman terhadap isu-isu pokok agama yang merangkumi aspek teologi dan metafizik serta keampuhan berhujah menggunakan akal, baginda turut dibantu oleh “*a number of learned natives*” (Medhurst, 1830: 187) ataupun sekumpulan orang terpelajar atau ulama yang berperanan sebagai penasihat baginda. Justeru, amatlah wajar mengandaikan bahawa Syeikh Abdul Qadir yang telah bermastautin dan mempunyai pusat pengajian yang terkenal di

Terengganu ketika itu termasuk dalam kalangan kumpulan ulama tersebut yang mengambil bahagian dalam diskusi berkenaan.

Medhurst (1830: 188-189) selanjutnya memerihalkan mengenai penghormatan orang Islam di Terengganu terhadap Injil sesuai dengan statusnya sebagai kitab yang diwahyukan kepada Nabi Isa a.s. Namun apabila diajaknya seorang pemuda yang menunjukkan minat terhadap ideologi Kristian, pelawaannya ditolak mentah-mentah. Sebaliknya, beliau pula cuba didakwahkan menjadi Muslim! Demikianlah catatan daripada sejarah yang menunjukkan betapa kuatnya jati diri dan keimanan masyarakat Islam di Terengganu hasil didikan dan usaha para ulama yang disokong oleh pemerintah.

Pengaruh Islam terhadap undang-undang tempatan menerusi usaha para ulama juga dirakamkan oleh Earl (1837: 185-186) ketika persinggahannya di Terengganu pada tahun 1835 yang diperintah oleh Sultan Mansur Shah II (p. 1831-1836). Usaha ini diteruskan lagi oleh sultan-sultan yang mewarisi takhta negeri seperti Baginda Omar (p. 1839-1876) yang juga merupakan salah seorang murid Syeikh Abdul Qadir, Sultan Ahmad II (p. 1876-1881) sehingga era pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (p. 1881-1918) yang menyaksikan pemasyhuran *Itqān al-Mulūk bi Ta'dīl al-Sulūk* (Undang-undang Tubuh bagi Diri Kerajaan Terengganu) tahun 1911 yang menegaskan kedudukan Islam dan peranan sultan dan umara dalam mempertahankan kedaulatan agama dalam negeri Terengganu (Engku A.Zaki et al., 2015: 16-17).

## PENUTUP

Daripada perbincangan yang telah dilakukan, beberapa rumusan dan cadangan dapat dibentangkan seperti berikut:

- i. Dari aspek analisis kodikologi dan sejarah naskhah, terbukti bahawa *Mir'āt al-Mu'minīn* merupakan karya asli yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas.
- ii. Kepentingan karya ini juga terzahir menerusi maklumat yang terkandung dalamnya yang dapat membantu memperbetulkan kekeliruan dan tanggapan yang tidak tepat mengenai biografi tokoh ini serta beberapa aspek sejarah sosial Terengganu selama ini.
- iii. Dari aspek kandungan, ternyata bahawa karya ini berperanan yang amat besar dalam mempengaruhi sikap dan budaya masyarakat Melayu di Terengganu dalam membentuk peradaban bangsa yang berimbang antara aspek duniawi dan ukhrawi.
- iv. Penemuan ini juga telah memperkayakan lagi korpus keilmuan warisan pusaka silam negeri Terengganu dan tokohnya untuk tatapan umum dan generasi akan datang. Justeru, usaha pengkajian yang terfokus dan berterusan untuk menggali khazanah pusaka bangsa perlu digiatkan dalam pelbagai genre termasuk sastera kitab supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara pada hari ini.

## RUJUKAN

- Abdul Qadir bin Abdul Rahim Terengganu. (1822). *Mirāt al-Mu'minīn wa Tadhkirah li al-Ghāfiṭīn*. Manuskrip Koleksi Madrasah Ahmadiah, Narathiwat, Thailand.
- Ahmad Fathy al-Fatani. (2002). *Ulama Besar dari Patani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmat Adam. (2017). *Batu Bersurat Terengganu: Betulkah apa yang dibaca selama ini?*. Petaling Jaya: SIRD.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib. (2011). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2012). The Correct Date of Terengganu Inscription: Friday, 4th Rajab, 702 A.H./Friday, 22nd February, 1303 A.C. dalam *Batu Bersurat of Terengganu: Its Correct Date, Religio-Cultural and Scientific Dimensions*. M.Zainiy Uthman (peny.). Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara: 1-28.
- Clifford, Hugh. (1938). *Expedition: Trengganu and Kelantan Report*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.
- Earl, G.W. (1837). *The Eastern Seas*. London: Wm. Hallen and Co.
- Engku A.Zaki E.Alwi, Berhanundin Abdullah, & Rohaizan Baru. (2015). *Peranan Ulama dalam Kesultanan Terengganu*. Kuala Terengganu: Yayasan DiRaja Sultan Mizan.
- Hasanulddin Mohd. (2014). *Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas: Ulama Terengganu Abad ke-19*. Kuala Terengganu: Penerbit UNISZA.
- Jones, Russell. (1999). Malay Manuscripts: Gatherings and Soiled Pages, *Archipel* (57): 97-108.
- M. Mustaqim Mohd Zarif. (2014). Beberapa Pemerhatian mengenai Pengaruh Arab dalam Tradisi Manuskrip Melayu, kertas kerja *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 6-7 Mei: 19 hal.
- M. Mustaqim Mohd Zarif. (2015). Pengarang dan Pengarangan dalam Tradisi Sastera Kitab Melayu, *Jurnal Filologi Melayu* 22 (Edisi Khas): 141-154.
- M.Mustaqim Mohd Zarif. (2016). Raja sebagai Wakil Tuhan dalam Sastera Kitab Melayu, kertas iringan dalam *Wacana Naskhah Kesultanan Melayu: Pemerintahan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 27 Okt: 21 hal.
- Medhurst, Walter Henry. (1830). Journal of a Voyage up the Coast of the Malayan Peninsula, *Transactions of the Missionary Society* 53&54: 145-156, 171-192.
- Muhammad Abu Bakar. (1991). *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1991). *Terengganu Darul Iman: Tradisi Persejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munshi Abdullah. (1960). *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Nooryani Musa. (2006). Peranan, Penggunaan dan Pengekalan Tulisan Jawi di Terengganu, dalam *Tulisan Jawi: Sehimpunan Kajian*. M. Bukhari Lubis et al. (peny.). Shah Alam: UPENA: 77-116.
- Numan Hayimasa. (2009). Jaringan ‘Ulama Patani dengan Utara Semenanjung Tanah Melayu Abad ke-19 dan ke-19, *Malaysia dari Segi Sejarah* (37): 18-30.
- Shaharir Mohamad Zain. (2013). *Istilah dan Konsep Pengukuran Tradisional Alam Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Sheppard, Mubin. (1949). A Short History of Trengganu, *JMBRAS* 22(3): 1-74.
- Wan Ali Wan Mamat. (1996). Stail Tulisan Tangan dalam Manuskrip Melayu, *Jurnal Filologi Melayu* 5: 103-110.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1993). Tokoh-tokoh Penyalin Manuskrip Kitab dari Semenanjung Tanah Melayu, *Jurnal Filologi Melayu* 2: 42-60.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1997). *Koleksi Kitab Risalah fi Bayani Hukmil Bai'i war Riba Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fathani/Bukit Bayas, Terengganu (Koleksi Nadir)*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.